



## Siaran Akhbar

### Pengeluaran dan Penjualan Matawang Kertas Polimer Kenang-Kenangan “Uncut Block” BND 1

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa AMBD akan mengeluarkan matawang kertas polimer kenang-kenangan “Uncut Block” BND 1 siri terbaru bagi Negara Brunei Darussalam. Matawang kertas polimer kenang-kenangan “Uncut Block” BND 1 ini adalah sah diperlakukan di Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan lanjut mengenai matawang kertas polimer kenang-kenangan ini adalah seperti berikut:

JENIS	NILAI MUKA	HARGA JUALAN
BND 1 (35 KEPING) SIRI 2013 (KELUARAN 2016)	\$1 X 35 (\$35)	BND 250.00

3. Matawang kertas polimer kenang-kenangan “Uncut Block” BND 1 akan dijual kepada orang ramai di booth AMBD semasa *Brunei Consumer Fair* ke-19 yang akan diadakan mulai pada 18 Januari hingga 22 Januari 2017 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas atau orang ramai boleh membeli terus daripada:

Unit Pengurusan Matawang  
Autoriti Monetari Brunei Darussalam  
Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan  
Commonwealth Drive BB 3910  
Negara Brunei Darussalam

4. Waktu perniagaan bagi penjualan matawang kertas kenang-kenangan “Uncut Block” BND 1 di Bangunan BCMB, AMBD, adalah seperti berikut:

Isnin – Khamis            8.30 pagi – 11.30 pagi  
                                 2.00 petang – 4.00 petang

Friday                    8.30 pagi – 11.00 pagi  
                                 3.00 petang – 4.00 petang

Sila ambil maklum bahawa AMBD tidak menerima pembayaran melalui kad kredit. AMBD ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dialami.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 18 Rabiulakhir 1438 / 16 Januari 2017

Rujukan: AMBD/COMMS/3